

25 SEP 1999

INDEP-Pertanian

KUMPULAN BIJAK PANDAI SOKONG PENUBUHAN UNIVERSITI PERTANIAN

KOTA KINABALU, 25 Sept (Bernama) -- Sebuah badan penyelidik di sini menyatakan sokongannya bagi cadangan penubuhan sebuah Universiti Pertanian di negara ini dan mahu universiti itu ditubuhkan di Sabah.

Pengarah Eksekutif Institut Kemajuan Ekonomi Anak Negeri (INDEP) Sabah, Wilfred Madius Tangau berkata, terdapat banyak kelebihan dalam cadangan itu khususnya dalam aspek pengeluaran makanan.

"Ia juga sesuatu yang relevan memandangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merujuk kepada Sabah dalam aspek pembangunan pertanian serta pengeluaran makanan," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Selaras dengan itu, katanya, adalah logik yang "Universiti Pertanian" baru itu ditempatkan di Sabah, sebagai contoh dengan menaikkan taraf Institut Pertanian Timbang Menggaris di Kota Belud kepada sebuah universiti.

Tangau berkata demikian sebagai mengulas cadangan penubuhan universiti itu oleh Persekutuan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) semalam yang berpendapat universiti itu boleh membantu dalam meningkatkan pengeluaran makanan melalui penyelidikan dan pembangunan.

Tangau berkata, universiti seperti itu boleh juga menjalankan penyelidikan untuk menentukan bagaimana petani tradisional, seperti penanam padi bukit boleh menyumbang secara produktif kepada pengeluaran makanan negara.

"Banyak lagi yang boleh dibuat untuk memastikan petani tradisional mendapat manfaat daripada inisiatif kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran pertanian," katanya.

Pada Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan wawasan baru bagi Malaysia dalam membangunkan sektor pertanian sebagai pengeluar dan pengeksport utama makanan.

"Inisiatif baru Perdana Menteri sudah pasti lebih bermakna jika penyertaan aktif penduduk anak negeri dalam pengeluaran pertanian moden dijadikan antara komponen penting wawasan baru itu," kata Tangau.

Oleh itu, penubuhan Universiti Pertanian di Sabah sudah pasti disambut baik, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

JS PR